INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)www.ijlgc.com**POTENSI *ARTIFICIAL INTELLIGENCE* (AI) DALAM PROSES
PENGHAKIMAN PERBICARAAN KESALAHAN JENYAH
SYARIAH: ANALISIS AWAL DARI LENSE FIQH*****THE POTENTIAL OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) IN THE JUDGMENT
PROCESS OF CRIMINAL OFFENSE TRIALS: A PRELIMINARY ANALYSIS FROM
THE LENS OF FIQH***Tuan Muhammad Faris Hamzi Tuan Ibrahim^{1*}¹ Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, MalaysiaEmail: tuan00@graduate.utm.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 16.01.2025

Revised date: 08.02.2025

Accepted date: 18.03.2025

Published date: 28.03.2025

To cite this document:

Tuan Ibrahim, T. M. F. H. (2025). Potensi *Artificial Intelligence* (AI) Dalam Proses Penghakiman Perbicaraan Kesalahan Jenayah Syariah: Analisis Awal Dari Lensa Fiqh. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (39), 309-319.

DOI: 10.35631/IJLGC.1039021

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Abstrak:**

Artificial Intelligennce (AI) merupakan salah satu inovasi teknologi yang semakin berkembang pesat dalam pelbagai sektor, termasuk perundangan. Walaupun penggunaannya dalam konteks Mahkamah Syariah masih jarang dibincangkan, AI mempunyai potensi besar untuk menyokong proses penghakiman. Artikel ini bertujuan untuk meninjau penggunaan AI dalam proses penghakiman di Mahkamah Syariah berdasarkan kaca mata fiqh. Pendekatan kajian ini menggunakan analisis kandungan dokumen sebagai kaedah utama untuk mengenal pasti prinsip-prinsip syariah yang berkaitan dan bagaimana ia dapat diaplikasikan dalam teknologi moden. Hasil kajian mendapati bahawa walaupun AI tidak memenuhi kriteria sebagai entiti dengan kapasiti undang-undang penuh di bawah syariah (*ahliyyah*), ia boleh berfungsi sebagai alat sokongan yang sah dalam proses penghakiman. Prinsip fiqh seperti *al-aslu fi al-ashyā' al-ibāhah* (hukum asal sesuatu adalah harus) memberi justifikasi bahawa AI boleh diterima selagi ia membantu menegakkan keadilan dan tidak bercanggah dengan syarak. Penulis turut mencadangkan kajian-kajian berkaitan pengharmonian teknologi moden seperti AI dengan perundangan Islam perlu dikembangkan sebagai bidang penyelidikan dan integrasi inter-disiplin agar konsep dualisme yang menyempitkan dua bidang tersebut tidak dijadikan alasan kemunduran sistem perundangan syariah pada masa akan datang.

Kata Kunci:

Artificial Intelligence (AI), Penghakiman, Mahkamah Syariah, *Ahliyyah*, Konsep Kehakiman

Abstract:

Artificial Intelligence (AI) is one of the rapidly advancing technological innovations across various sectors, including the legal domain. Although its application in the context of the Syariah Court has not been widely discussed, AI holds significant potential to support the judicial process. This article aims to examine the use of AI in judicial decision-making within the Syariah Court from the perspective of fiqh. The study adopts a document content analysis approach as the primary method to identify relevant Shariah principles and explore how these principles can be applied within modern technologies. The findings indicate that although AI does not fulfill the criteria to be recognized as an entity with full legal capacity under Shariah (*ahliyyah*), it can still function as a legitimate supportive tool in the judicial process. Fiqh principles such as *al-aslu fi al-ashyā' al-ibāhah* (the original ruling on things is permissibility) provide justification that AI may be accepted, as long as it aids in upholding justice and does not contradict Shariah principles. The author also proposes that further research on the harmonization between modern technologies like AI and Islamic legal frameworks should be expanded as a field of interdisciplinary integration, to ensure that the concept of dualism, which restricts both fields, does not become a justification for the stagnation of the Syariah legal system in the future.

Keywords:

Artificial Intelligence (AI), Judicial Decision-Making, Syariah Court, *Ahliyyah* (Legal Capacity), Concept Of Judiciary

Pendahuluan

Artificial Intelligence (AI) atau kecerdasan buatan merupakan satu pencapaian besar dalam bidang sains dan teknologi yang mampu mengautomasi peranan manusia dengan pantas dan cekap. Teknologi ini semakin menjadi satu keperluan penting dalam kehidupan masa kini dengan penggunaannya secara meluas di pelbagai platform untuk pelbagai tujuan. Daripada sektor kesihatan dan pendidikan sehinggalah kepada sistem perniagaan, kesesuaian dan ketepatan AI telah merevolusikan cara tugas dilaksanakan dan menyediakan penyelesaian yang bukan sahaja menjimatkan masa tetapi turut meningkatkan produktiviti (Tuan Ibrahim et al., 2024).

Pengintegrasian AI dalam operasi harian mencerminkan kebergantungan yang semakin meningkat terhadap teknologi untuk menyederhanakan dan mengoptimumkan urusan-urusan yang berkaitan termasuk bidang perundangan. Hal ini kerana AI juga mampu memainkan peranan penting dalam meningkatkan ketelusan serta mengurangkan beban kerja hakim dan pegawai mahkamah, sejajar dengan keperluan sistem perundangan yang semakin kompleks. Namun, di luar negara, perbincangan mengenai penggunaan AI telah berkembang pesat, termasuk dalam industri perundangan. Banyak kajian dan literatur telah menyoroti potensi AI dalam membantu sistem penghakiman, termasuk penggunaannya untuk menganalisis bukti, meramal keputusan kes, serta mempercepatkan proses perbicaraan (Han et al., 2024; Sivasankar, 2024). Teknologi ini juga telah mula diaplikasikan untuk meminimumkan kesilapan manusia dan meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran.

Sebaliknya, di Malaysia, perkembangan penggunaan AI dalam bidang kehakiman syariah terutamanya masih sukar ditemui dan agak ketinggalan berbanding negara-negara maju. Walaupun terdapat beberapa usaha ke arah integrasi teknologi ini, seperti melalui e-filing dan sistem pengurusan bukti elektronik (Mahmod & Buang, 2022), perbincangan tentang peranan AI secara menyeluruh dalam membantu pegawai mahkamah atau menyokong proses penghakiman masih kurang diketengahkan. Hal ini mungkin disebabkan oleh pandangan yang sempit terhadap penggunaan AI dalam perundangan syariah, di mana sebahagian pihak berpendapat bahawa teknologi ini kurang sesuai dan sukar untuk diharmonikan dibawah cakupan prinsip syariah.

Oleh itu, dalam kajian ini, penulis mengambil peluang untuk melakukan tinjauan awal terhadap penggunaan AI dalam proses penghakiman yang dikhususkan kepada Mahkamah Syariah melalui lensa fiqh. Melalui penelitian ini, penulis berhasrat untuk menilai secara dasar potensi dan keberkesanan pengaplikasian AI dalam proses penghakiman yang mungkin akan menjadi tanda tanya pada masa akan datang.

Sorotan Literatur


Perkembangan Artificial Intelligence Masa Kini

Menurut kajian Naudé dan Dimitri (2020), AI boleh dikategorikan kepada dua jenis utama, iaitu *Narrow AI* dan *General AI*. *Narrow AI* merujuk kepada sistem AI yang direka untuk tugas khusus, seperti pengecaman imej, pemprosesan bahasa semula jadi, atau permainan papan. Sistem ini sangat cekap dalam tugas yang ditetapkan tetapi tidak memiliki keupayaan kognitif yang meluas atau pemahaman umum (Rayhan, 2024). Sementara itu, *General AI* yang turut bertujuan untuk meniru kecerdasan manusia, dengan keupayaan untuk belajar, menyesuaikan diri, dan memahami pelbagai domain seperti manusia. *General AI* dijangka mampu memindahkan pengetahuan daripada satu konteks ke konteks yang lain, melaksanakan pelbagai tugas, dan memahami konsep abstrak yang melangkaui fungsi yang telah ditetapkan (Rayhan, 2024). Tidak seperti *Narrow AI*, yang dibangunkan untuk tujuan tertentu dan memerlukan input manusia yang berkaitan. *General AI* mempunyai kemampuan untuk memperbaiki diri secara autonomi dan membuat keputusan tanpa campur tangan manusia.

Menurut Kavanagh (2019) dan Ghosh dan Thirugnanam (2021), dalam ekosistem AI, terdapat dua subset utama yang sering dibincangkan, iaitu *Machine Learning* (ML) dan *Deep Learning* (DL). Kedua-dua subset ini memainkan peranan penting dalam perkembangan AI dan aplikasi praktikalnya. *Machine Learning* merupakan subset utama AI yang memberi fokus kepada pembangunan algoritma dan model statistik yang membolehkan komputer untuk belajar daripada data tanpa perlu diprogramkan secara eksplisit. Dalam konteks ini, ML bertindak sebagai asas yang membolehkan sistem AI menganalisis data, mengenali corak, dan membuat keputusan berdasarkan pengalaman terdahulu. Aplikasi ML dapat meliputi pelbagai bidang seperti pengesanan penipuan dalam transaksi kewangan, sistem cadangan seperti Netflix dan Spotify, serta diagnosis perubatan menggunakan analisis data pesakit.

Deep Learning pula adalah subset kepada ML yang memberi tumpuan kepada jaringan neural tiruan (*Artificial Neural Networks*) yang menyerupai cara otak manusia berfungsi. DL memanfaatkan pelbagai lapisan pemprosesan untuk mengenal pasti corak kompleks dalam data berskala besar. Hubungan antara AI, ML, dan DL boleh digambarkan sebagai struktur hierarki


di mana AI merupakan payung besar yang merangkumi teknologi-teknologi yang membolehkan komputer melakukan tugas yang biasanya memerlukan kecerdasan manusia.



Rajah 1: Menunjukkan Hubungan Antara AI, ML, dan DL.

Teknologi ini mengintegrasikan algoritma lanjutan (*advanced algorithms*), data besar (*big data*), dan kuasa pengkomputeran tinggi (*high computational power*) untuk melaksanakan tugas-tugas kompleks seperti pengesanan visual (*visual recognition*), pemprosesan bahasa semula jadi, dan penyelesaian masalah adaptif (Sheikh et al., 2023; Saini et al., 2022). Melalui pendekatan ini, AI mampu belajar daripada data, mengenal pasti corak, dan membuat keputusan bertindak balas terhadap persekitaran dengan cara yang menyerupai keupayaan manusia.

Seiring dengan perkembangan AI yang semakin pesat, para penyelidik dan pembangun kini giat berusaha untuk mencipta pelbagai sistem dan model AI yang lebih sofistikated dan beretika. Usaha ini bertujuan untuk memastikan teknologi AI dapat memberikan manfaat yang maksimum kepada masyarakat sambil meminimumkan risiko-risiko berpostensi yang mungkin timbul. Dalam artikel "Massive breakthrough in AI intelligence: OpenAI passes IQ 120" yang diterbitkan pada 14 September 2024 di Maximum Truth, model AI terbaru iaitu OpenAI yang dikenali sebagai "o1" telah mencapai skor IQ setinggi 120.



Rajah 2: Menunjukkan Graf Garisan Ujian IQ Yang Diwakili Oleh Beberapa Model AI Terkini.

Maxim Lott (2024) dalam penulisannya, menguji model o1 menggunakan ujian IQ Mensa Norway dan mendapati bahawa o1 menjawab 25 daripada 35 soalan dengan betul, melebihi prestasi kebanyakan manusia. Sebagai perbandingan, model AI sebelumnya seperti Claude-2 (dilancarkan pada Julai 2023) mempunyai skor IQ sekitar 82, manakala Claude-3 (Mac 2024) mencapai sekitar 101. Peningkatan ini menunjukkan kemajuan pesat dalam keupayaan penalaran AI. Bagi memastikan keputusan ini tidak dipengaruhi oleh data-data latihan yang keberangkalian mengandungi soalan serupa, Maxim Lott menggunakan soalan IQ yang tidak pernah diterbitkan secara umum. Model o1 tetap menunjukkan peningkatan ketara dalam keupayaan penalarannya, menunjukkan bahawa ia tidak hanya memproses data sedia ada tetapi benar-benar mendalami corak dan logik di sebalik soalan. Pencapaian ini mencorakkan langkah penting dalam pembangunan AI yang luas dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, perubatan, penyelidikan saintifik serta perundangan.

Perkembangan pesat dalam teknologi AI membuka peluang besar untuk dimanfaatkan dalam pelbagai sektor, termasuk sektor perundangan di Mahkamah Syariah. Dengan keupayaan AI untuk menganalisis data yang kompleks, mengenal pasti corak, dan memberikan cadangan berasaskan data, teknologi ini berpotensi menjadi medium yang sangat berkesan dalam meningkatkan tahap kecekapan, ketepatan, dan keadilan dalam sistem perundangan.

Walau bagaimanapun, persoalan penting yang timbul adalah sejauh mana keupayaan AI dapat dimanfaatkan dalam konteks Mahkamah Syariah memandangkan segala keputusan dan proses yang dijalankan perlu selaras dengan prinsip dan ketetapan syarak. Tambahan pula, penerapan teknologi ini perlu diselaraskan dengan keperluan untuk mengekalkan peranan manusia, khususnya hakim dan pihak-pihak berkepentingan, dalam proses membuat keputusan yang memerlukan penilaian berdasarkan nilai-nilai moral dan hukum syarak. Sehubungan itu, sebarang usaha untuk memperkenalkan AI dalam Mahkamah Syariah perlu melibatkan pendekatan yang berhati-hati, termasuk pembangunan kerangka etika dan perundangan yang jelas. Oleh itu, dalam kajian ini, penulis cuba meneliti potensi AI untuk dimanfaatkan di Mahkamah Syariah dengan menilai prinsip-prinsip fiqh dan keharmonian dalam

memastikan bahawa teknologi ini dapat diterapkan tanpa bercanggah dengan nilai-nilai syarak serta asas-asas keadilan dalam sistem perundangan Islam.

Konsep Kehakiman Menurut Islam

Hakim merupakan satu profesion yang sangat mencabar kerana ia melibatkan tanggungjawab besar terhadap kepentingan umum dalam usaha untuk menegakkan keadilan dan mencegah kezaliman dalam masyarakat. Hakim memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan keadilan ditegakkan dan kezaliman dicegah dalam sesebuah masyarakat. Sebagai tonggak utama dalam sistem kehakiman, tanggungjawab seorang hakim melampaui sekadar membuat keputusan terhadap sesuatu kes tetapi turut melibatkan pertimbangan nilai-nilai moral, etika, dan prinsip perundangan yang bertujuan melindungi kepentingan umum. Hakim perlu memastikan bahawa keputusan yang diambil adalah berlandaskan undang-undang yang adil serta selari dengan norma dan budaya masyarakat. Hal ini menjadi lebih kompleks dalam sistem perundangan syariah, di mana hakim bukan sahaja bertindak berdasarkan fakta dan bukti, tetapi juga perlu menilai kes melalui lensa prinsip-prinsip syarak.

Oleh itu, tugas seorang hakim memerlukan kebijaksanaan, ketelitian, dan keupayaan untuk menilai kes secara objektif sambil mengambil kira kesan keputusan tersebut terhadap pihak-pihak yang terlibat dan masyarakat secara keseluruhan. Tambahan pula, kedudukan hakim sebagai pelindung keadilan menjadikan tugas ini penuh dengan cabaran, terutama apabila mereka perlu mengimbangi antara menegakkan undang-undang dan memastikan bahawa keputusan mereka tidak menjejaskan keseimbangan sosial. Dalam usaha ini, hakim perlu sentiasa berhati-hati agar keputusan yang dibuat dan tidak menyumbang kepada sebarang bentuk ketidakadilan, sama ada kepada individu, komuniti, atau masyarakat umum. Ibrahim dan Ahmad (2005) menyatakan bahawa syarat-syarat pelantikan Hakim Syarie tidak dinyatakan secara terperinci dalam mana-mana enakmen di Malaysia seperti yang dihuraikan oleh para fuqaha dalam karya-karya klasik mereka. Sebaliknya, syarat-syarat tambahan yang ditetapkan lebih bersifat teknikal (*syakliyyah*) dan objektif (*mawduiyyah*).

Dalam kitab Al-Mughni oleh Ibn Qudamah (t.t.) membincangkan hukum penerimaan jawatan hakim boleh dikategorikan kepada beberapa bahagian berdasarkan konteks, sumber, dan keadaan yang melingkupinya. Pembahagian hukum ini membantu memahami pelbagai dimensi dalam pelaksanaan syariat Islam. Jadual di bawah adalah beberapa bahagian utama yang sering dirujuk dalam karya Ibn Qudamah:

Jadual 1: Menunjukkan Perubahan Hukum Dalam Memikul Jawatan Hakim

Hukum	Ulasan
Fardu'Ain	Seseorang wajib memikul tanggungjawab sebagai hakim apabila tiada individu lain yang lebih berkelayakan. Hal ini kerana menyerahkan tanggungjawab ini kepada individu yang tidak sesuai boleh mengakibatkan kemudaratan dan kerosakan kepada masyarakat.
Haram	Individu yang tidak memiliki kelayakan dan syarat yang diperlukan berpotensi diragui keupayaannya serta dibimbangi gagal menjalankan tugas kehakiman dengan adil.
Makruh	Seseorang yang berkelayakan meminta untuk menjadi hakim, sedangkan pada masa yang sama terdapat individu lain yang lebih layak daripadanya.
Sunat	Individu yang memiliki kemampuan lebih tinggi berbanding orang lain untuk melaksanakan tugas kehakiman.

Menurut Al-Syarbini (1958), seorang hakim mesti memenuhi sepuluh syarat utama yang wajib dimilikinya untuk melaksanakan tugas kehakiman dengan adil dan efektif. Syarat-syarat ini mencerminkan kelayakan dari segi agama, intelektual, dan moral, yang diperlukan untuk memastikan hakim dapat menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab. Syarat-syarat tersebut adalah sebagaimana jadual berikut:

Jadual 2: Menunjukkan Sepuluh Syarat Utama yang Wajib Dimiliki Oleh Hakim Menurut Al-Syarbini

Bil.	Ulasan
1.	Islam.
2.	Mukallaf.
3.	Merdeka.
4.	Lelaki.
5.	Adil.
6.	Mendengar.
7.	Melihat.
8.	Boleh bercakap.
9.	Berkemampuan menjalankan urusan Oadi.
10.	Mestilah seotang yang mujtahid.

Meskipun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan para fuqaha mengenai jumlah syarat yang perlu dipenuhi oleh seorang hakim, perbezaan ini pada hakikatnya tidaklah bersalahan antara satu sama lain. Secara umum, setiap syarat yang dibincangkan oleh seorang fuqaha turut diakui oleh fuqaha lain, meskipun mereka mungkin menggunakan pendekatan atau penekanan yang berbeza dalam perbahasan mereka (Ahmad, 2001).

Mensabitkan diri dalam urusan kehakiman merupakan tanggungjawab yang sangat berat dan memerlukan seseorang mukmin untuk bersikap adil sepenuhnya. Tugas ini melibatkan penentuan hak dan kewajipan antara pihak-pihak yang terlibat, yang jika tidak dilaksanakan dengan keadilan, boleh membawa kepada penindasan dan ketidakadilan dalam masyarakat. Oleh itu, bagi individu yang tidak memiliki kemampuan untuk berlaku adil atau tidak memahami tanggungjawab ini dengan mendalam, menggalas tugas kehakiman boleh menjadi perkara yang sangat berbahaya, bukan sahaja bagi dirinya tetapi juga terhadap masyarakat secara keseluruhan.

Dalam Islam, keadilan adalah nilai teras yang mesti dijunjung dalam semua aspek kehidupan, termasuk dalam bidang kehakiman. Oleh itu, hanya individu yang benar-benar berkemampuan, berintegriti, dan memahami implikasi hukum yang wajar diberi tanggungjawab ini. Firman Allah dalam surah An-Nisa' ayat 58:

Terjemahan: “Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan amanah kepada ahlinya, dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, supaya kamu menghukum dengan adil”

Ayat tersebut menjadi asas yang kukuh bahawa amanah kehakiman tidak boleh dipandang ringan. Dengan sikap adil dan kefahaman yang mendalam, urusan kehakiman boleh menjadi salah satu cara untuk menegakkan keadilan yang diredai Allah SWT.

Seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat, AI telah muncul sebagai alat yang berpotensi besar untuk dimanfaatkan dalam pelbagai bidang, termasuk dalam sistem kehakiman. Teknologi ini menawarkan pelbagai kelebihan, seperti keupayaan untuk menganalisis data yang kompleks, mempercepatkan proses pembuatan keputusan, dan memberikan cadangan yang berasaskan fakta. Hal ini amat relevan memandangkan prosedur di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah lazimnya melibatkan proses yang memakan masa dan kos yang tinggi bagi pihak yang terlibat (Ngspar & Mat Hussin, 2023). Masalah seperti kes tertangguh, beban dokumen yang banyak, dan keperluan analisis bukti yang rumit sering menjadi cabaran utama dalam memastikan keadilan dapat ditegakkan dengan segera. Dalam situasi ini, AI dapat dimanfaatkan sebagai alat bantu untuk mengatasi kelewatan dan kos yang tinggi, terutamanya dengan mempercepatkan analisis dokumen, mengesan preseden kes, serta menyusun fakta dan bukti dengan lebih sistematik. Dalam konteks perbicaraan kesalahan jenayah di Mahkamah Syariah, AI boleh menjadi pemangkin kepada proses penghakiman yang lebih efisien, telus, dan tepat, dengan syarat ia selaras dengan prinsip-prinsip fiqh. Kajian ini bertujuan untuk menilai sejauh manakah potensi penggunaan AI dalam penghakiman kesalahan jenayah, khususnya dalam perbicaraan di Mahkamah Syariah, melalui analisis awal dari sudut pandang fiqh.

Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen sebagai pendekatan utama dalam pengumpulan dan penganalisan data. Kaedah ini melibatkan proses mengenal pasti, menilai dan mentafsir kandungan dokumen yang relevan secara sistematik bagi memperoleh pemahaman yang mendalam terhadap sesuatu fenomena. Menurut Md Ariffin et al. (2024), analisis kandungan dokumen dalam konteks penyelidikan kualitatif membolehkan penyelidik menghuraikan makna yang tersirat, mengenal pasti tema-tema penting, serta membentuk interpretasi baharu berdasarkan konteks kajian.

Oleh itu, melalui pendekatan ini, penulis akan mengenal pasti prinsip-prinsip syariah yang relevan dan dapat diaplikasikan dalam perkembangan teknologi moden, khususnya dalam konteks potensi AI di Mahkamah Syariah.

Sumber utama kajian ini merangkumi kitab-kitab fiqh dan artikel pada jurnal-jurnal akademik yang mengupas prinsip syarak dalam konteks teknologi kontemporari. Literatur-literatur berkaitan AI turut dijadikan sumber dalam penelitian kajian penulis. Dengan menganalisis sumber-sumber ini, kajian ini berusaha untuk memahami bagaimana prinsip-prinsip fiqh tersebut dapat diintegrasikan secara harmoni dalam penggunaan AI dalam proses penghakiman di Mahkamah Syariah, selaras dengan keperluan Maqasid Al-Shariah dan nilai-nilai keadilan Islam.

Dapatan dan Perbincangan

Hasil kajian mendapati bahawa para ulama terdahulu tidak memberikan respons atau jawapan yang spesifik terhadap kewujudan dan penggunaan kecerdasan buatan (AI), memandangkan teknologi ini merupakan satu fenomena moden yang hanya muncul dalam era transformasi digital kontemporari (Mohamad Al-Bakri, 2024). Namun begitu, dari sudut metodologi fiqh, isu ini boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada *fiqh al-nawāzil* iaitu perkara-perkara baharu yang belum pernah dibahas secara langsung oleh generasi ulama klasik dan memerlukan pendekatan ijtihad kontemporari. Dalam kerangka *fiqh tawaqqu'*, pendekatan ini menekankan keperluan untuk menganalisis sesuatu isu berdasarkan kepada realiti semasa (*wāqi'*), keperluan masyarakat (*hājah*), serta perubahan zaman dan konteks penggunaannya.

Metodologi fiqh dalam menangani isu-isu baru seperti ini berlandaskan prinsip-prinsip umum yang bersifat inklusif dan terbuka. Salah satu prinsip penting yang sering dirujuk dalam hal ini ialah kaedah fiqh "*al-aşlu fi al-ashyā' al-ibāḥah*" yang membawa maksud hukum asal bagi sesuatu perkara adalah harus selagi tiada dalil yang mengharamkannya. Prinsip ini memberikan ruang yang luas kepada ulama untuk menilai dan menetapkan hukum terhadap inovasi kontemporari seperti AI dengan pendekatan yang lebih fleksibel, tanpa menyimpang daripada asas dan objektif syariah. Justeru itu, penerimaan terhadap AI bukanlah berdasarkan unsur inovasinya semata-mata, tetapi juga kepada kesesuaian dan keselarasan penggunaannya dengan prinsip-prinsip syariah.

Sehubungan itu, penerapan AI dalam konteks penghakiman dan pembuktian di Mahkamah Syariah perlu dinilai secara komprehensif berasaskan kepada prinsip-prinsip utama syarak, termasuk *Maqāṣid al-Sharī'ah* yang merangkumi pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Penilaian ini juga harus mengambil kira pertimbangan masalah (kemaslahatan) dan mafsadah (kemudaratan), agar sebarang bentuk pelaksanaan teknologi ini tidak menjejaskan keadilan, mengabaikan hak-hak pihak yang terlibat, atau membuka ruang kepada penyalahgunaan seperti manipulasi data dan diskriminasi algoritma. Dengan itu, integrasi AI dalam sistem kehakiman Syariah perlu dirancang dengan teliti, bukan sahaja dari aspek teknikal dan undang-undang, tetapi juga dari sudut etika dan prinsip-prinsip syarak yang menjadi teras dalam menjamin keadilan dan kemaslahatan umat.

Namun demikian, kecerdasan buatan (AI) tidak boleh diberikan kapasiti penuh seperti manusia dalam konteks hukum syarak kerana ia tidak memiliki sifat-sifat asas kemanusiaan seperti akal, kesedaran diri, serta keupayaan memikul tanggungjawab moral. Dalam Islam, keabsahan tindakan seseorang dalam aspek hukum syarak bergantung kepada pemilikan *ahliyyah* iaitu kapasiti tanggungjawab dan kelayakan hukum yang memerlukan kewarasan akal (*'aql sālim*) sebagai syarat utama (Zaidan, 2009). Akal bukan sahaja berfungsi sebagai alat intelektual, tetapi juga sebagai asas untuk membezakan antara yang hak dan yang batil, memahami akibat perbuatan, serta menilai nilai-nilai etika dan syariah.

Hal ini seiring dengan syarat-syarat yang dikemukakan oleh Al-Syarbini (1958) yang menegaskan bahawa seorang hakim mesti memenuhi kriteria seperti berakal sempurna, berkeupayaan memahami hukum syarak, dan memiliki sifat adil. Akal yang sempurna bukan sahaja menjadi syarat asas *ahliyyah*, tetapi juga menjadi tunjang kepada keupayaan seorang hakim untuk membuat keputusan yang berlandaskan prinsip keadilan. AI, meskipun canggih dari sudut pemprosesan data dan keupayaan membuat ramalan berdasarkan algoritma, tetap tidak memiliki elemen kesedaran subjektif (*consciousness*) atau niat yang menjadi asas dalam penilaian syarak terhadap perbuatan. Keputusan yang dihasilkan oleh AI adalah berdasarkan algoritma yang ditetapkan, tanpa pertimbangan moral atau kesedaran nilai syarak yang lebih luas.

Oleh itu, penulis melihat AI tidak memenuhi kriteria sebagai entiti dengan kapasiti undang-undang penuh dalam hukum syarak (*ahliyyah*) kerana ia tidak memiliki sifat manusiawi seperti akal atau tanggungjawab moral. Walaupun begitu, keterbatasan AI dalam aspek *ahliyyah* tidak menafikan potensinya sebagai instrumen sokongan dalam sistem kehakiman Syariah terutamanya dalam proses analisis, pemadanan maklumat serta penstrukturan data kes secara sistematik. Fungsi-fungsi ini menunjukkan bahawa AI boleh berperanan sebagai wasilah yang efektif dan efisien dalam menyokong tugas hakim, khususnya dalam konteks proses

penghakiman, analisis pembuktian (*ithbat*) dan penilaian keterangan secara digital. Maka, meskipun AI tidak dapat mengambil alih peranan sebagai pihak yang bertanggungjawab secara hukum, penggunaannya sebagai teknologi sokongan dalam institusi kehakiman Syariah wajar diberi perhatian serius dan diperhalusi melalui pendekatan fiqh yang dinamik dan responsif terhadap perkembangan semasa.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, penggunaan AI dalam proses penghakiman mahupun pembuktian di Mahkamah Syariah merupakan satu pendekatan moden yang mempunyai potensi besar untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan ketepatan dalam sistem kehakiman. Walaupun AI tidak boleh dianggap sebagai entiti dengan kapasiti undang-undang penuh dalam hukum syarak kerana ketiadaan akal dan tanggungjawab moral, ia masih dapat berfungsi sebagai alat sokongan dalam mengumpul, menganalisis, dan mempersembahkan bukti. Penggunaan AI ini perlu dipandu oleh prinsip-prinsip pertimbangan masalah (kemaslahatan) serta mafsadah (kemudaratan) bagi memastikan ia memberikan manfaat kepada umat Islam tanpa mendatangkan mudarat. Penulis mencadangkan kajian-kajian berkaitan pengharmonian teknologi moden dan perundangan Islam perlu dikembangkan agar konsep dualisme yang menyempitkan dua bidang tersebut tidak dijadikan alasan kemunduran sistem perundangan syariah pada masa akan datang.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan sokongan dalam merealisasikan penulisan makalah ini sebagai suatu analisis awal mengenai potensi AI dalam sistem kehakiman Syariah. Diharapkan kajian ini dapat berfungsi sebagai asas ilmiah yang kukuh bagi penyelidikan lanjutan ke arah pengintegrasian teknologi AI secara lebih menyeluruh dan sistematik di Mahkamah Syariah.

Rujukan

- Ahmad, M. N. (2001). Konsep Kehakiman Dalam Islam. *Jurnal Usuluddin*, 14, 87–96. Retrieved From <https://Jupidi.Um.Edu.My/Index.Php/Jud/Article/View/4027/1894>
- Al-Syarbini. (1958). *Mughn'ial-Muhfaj*. Mustafaal-Babial-Halabi.
- Ghosh, M., & Thirugnanam, A. (2021). Introduction To Artificial Intelligence. *Studies In Big Data*, 23–44. https://doi.org/10.1007/978-981-16-0415-7_2
- Han, W., Shen, J., Liu, Y., Shi, Z., Xu, J., Hu, Fangxu, Ge, M. (2024). Legalsst: Application Of Human-Centered Machine On Enhancing Court Productivity And Legal Assistance. *Ssrn*, 1–20. <https://doi.org/10.2139/ssrn.4706045>
- Ibn Qudamah. (t.t.). *Al-Mughni*. Matba'ahal-Qahirah.
- Ibrahim, I. A., & Ahmad, M. Y. (2016). Hakim syarie: pemilihan, perlantikan dan bidangkuasa. *Kajian Syariah Dan Undang-Undang - Siri 2/2005*.
- Lott, M. (2024, September 14). Massive Breakthrough In Ai Intelligence: Openai Passes Iq 120. Retrieved From [Maximumtruth.org](https://www.Maximumtruth.org/P/Massive-Breakthrough-In-Ai-Intelligence)
- Mahmod, Z., & Buang, A. H. (2022). Perkembangan Penggunaan Teknologi Maklumat Di Mahkamah Syariah Malaysia. *Journal Of Shariah Law Research*, 7(1), 85-106
- Md Ariffin, M. F., Mohamad Riza, N. S., Hamdan, M. N., Md Radzi, M. S. N., Abdul Rahman, N. H., & Abdul Hamid, M. F. (2024). Nama Haram Tapi Produk Halal: Pandangan Dari Perspektif Undang-Undang Malaysia Dan Hukum Islam. *Malaysian Journal Of Syariah And Law*, 12(1), 157–173. <https://doi.org/10.33102/Mjsl.Vol12no1.541>

- Mohamad Al-Bakri, Z. (2023, May 15). *Masa Depan Islam Dan Ai*. ZulkifliAlbakri.Com. <https://www.zulkifliAlbakri.Com/22-Masa-Depan-Islam-Dan-Ai/>
- Naudé, W., & Dimitri, N. (2019). The Race For An Artificial General Intelligence: Implications For Public Policy. *Ai & Society*, 35(2), 367–379. <https://doi.org/10.1007/S00146-019-00887-X>
- Ngspar, R. S., & Mat Hussin, M. N. (2023). Amalan Perjanjian Perkahwinan Dan Perceraian Dalam Kes Tuntutan Perceraian: Kajian Di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. *Journal Syariah Of Law Research*, 2, 143–166.
- Rayhan, S. (2023, August 3). Ai Superintelligence And Human Existence: A Comprehensive Analysis Of Ethical, Societal, And Security Implications. <https://doi.org/10.13140/Rg.2.2.12922.26561>
- Saini, F., Sharma, T., & Madan, S. (2022). A Comparative Analysis Of Expert Opinions On Artificial Intelligence: Evolution, Applications, And Its Future. *Advanced Journal Of Graduate Research*, 11(1), 10–22. <https://doi.org/10.21467/Ajgr.11.1.10-22>
- Sheikh, H., Prins, C., & Schrijvers, E. (2023). Artificial Intelligence: Definition And Background. In *Mission Ai. Researchfor Policy*. Springer.
- Sivasankar, S. (2024). A Comparative Study On Artificial Intelligence And Courtroom Practices With India, Uk, And Usa. In S. Dadwal, S. Goyal, P. Kumar, & R. Verma (Eds.), *Demystifying The Dark Side Of Ai In Business* (Pp. 1-19). Igi Global Scientific Publishing. <https://doi.org/10.4018/979-8-3693-0724-3.Ch001>
- Tuan Ibrahim, T. M. F. H., Faisal, M. S., Baharuddin, A. S., & Alias, M. A. A. (2024). A Review Of Emerging Crimes And Challenges Artificial Intelligence (Ai) Manipulation In Digital Advertising From A Malaysian Legal Perspective. In *Proceeding International Conference On Shariah, Law, And Science (Cforsj I-Conf)* (Pp. 41-47)